

Tiga kematian kes denggi awal November

KUALA LUMPUR - Tiga kematian akibat demam denggi dilaporkan bagi tempoh dari 2 hingga 8 November lepas, kata Kementerian Kesihatan.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Datuk Dr Hassan Abdul Rahman berkata, sebanyak 968 kes demam denggi dilaporkan dalam tempoh itu, meningkat 43 kes atau empat peratus berbanding minggu sebelumnya yang mencatatkan 925 kes.

"Peningkatan kes ini melibatkan

S.H 20/11/03 MK 3
sembilan negeri iaitu Putrajaya melebihi 100 peratus, Sarawak (96 peratus), Selangor (95 peratus), Perak (74 peratus), Johor (60 peratus), Pulau Pinang (49 peratus), Kedah (39 peratus), Negeri Sembilan (10 peratus) dan Kelantan (tiga peratus)," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata, hasil analisis kes menunjukkan 70 peratus daripada pesakit demam denggi lewat mendapatkan rawatan iaitu lebih dari tiga hari selepas gejala demam menular.

"Kelewatan dalam mendapatkan rawatan menyebabkan kes itu lewat dikesan dan menjadi punca jangkitan kepada individu lain," katanya.

Bagi kes Chikungunya pula, beliau berkata, tiada kematian berkaitan penyakit itu dilaporkan dan jumlah kes juga tidak berubah bagi tempoh dari 2 hingga 8 November berbanding minggu sebelumnya iaitu 110 kes.

"Sebanyak 11 kes dikesan melalui aktiviti pengesanan kes ke ru-

mah-rumah oleh anggota Kementerian Kesihatan, manakala yang selebihnya dilaporkan oleh klinik ataupun hospital," katanya.

Beliau berkata, kes jangkitan Chikungunya pada minggu ini dilaporkan di lapan negeri iaitu Johor (39 kes), Pahang (23 kes), Perak (17 kes), Selangor (16 kes), Negeri Sembilan (lapan kes), Melaka (empat kes), Putrajaya (dua kes), dan Kuala Lumpur (satu kes).

"Kami menyeru masyarakat umum

agar lebih prihatin terhadap kebersihan persekitaran rumah dan meningkatkan aktiviti gotong-royong bagi membasmi tempat pembiakan Aedes sekali gus mengawal penularan penyakit Chikungunya," katanya.

Beliau berkata, orang ramai boleh mendapatkan maklumat berkaitan demam denggi dan penyakit Chikungunya dari kemudahan kesihatan berhampiran atau laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>. - BERNAMA